



Tataetika Valeo



Valeo

Kandungan

1. PENGENALAN KEPADA TATAETIKA	06
1.1 Sebuah budaya integriti	07
1.2 Kepada sesiapa yang berkenaan dengan tataetika ini	08
2. INTEGRITI BERHUBUNGAN DENGAN WARGA KITA DAN PERSEKITARAN KITA	09
2.1 Memastikan keselamatan tempat kerja	10
2.2 Menghormati hak kemanusiaan	11
2.3 Membangunkan orang ramai – menghargai kepelbagaian	12
2.4 Mencegah diskriminasi dan gangguan	13
2.5 Menghormati persekitaran	14
3. INTEGRITI DI PASARAN: MELAKUKAN PERNIAGAAN SECARA ADIL	15
3.1 Berurusan secara adil dan jujur dengan pelanggan	16
3.2 Mendukung amalan persaingan adil	17
3.3 Mencegah sogokan dan rasuah	18
3.4 Menjamin integriti dalam pemerolehan dan pilihan pembekal	21
3.5 Menetapkan rangka kerja perkongsian beretika bersama ejen dan orang tengah	22
4. INTEGRITI DAN PERLINDUNGAN HARTANAH DAN ASET VALEO	23
4.1 Melindungi maklumat dan harta intelek Valeo	25
4.2 Melindungi kerahsiaan maklumat peribadi pekerja	26

4.3 Menghormati harta intelek dan kerahsiaan pihak ketiga	26
4.4 Mengelakkan konflik kepentingan – setia kepada Valeo	27
4.5 Komited terhadap profesionalisme dan kualiti	28
4.6 Kebenaran dan ketepatan akaun, buku dan rekod	29
4.7 Membanteras pengubahan wang haram	31
5. KOMUNIKASI BERETIKA	32
5.1 Berkomunikasi dengan berhati-hati	33
5.2 Menggunakan media sosial dengan berhati-hati	34
5.3 Perdagangan orang dalam – pembelian dan penjualan saham Valeo	35
6. LATIHAN – MEMBANGUNKAN KESEDARAN KITA	37
7. MENYATAKAN KEBIMBANGAN - AMARAN	38

Pengenalan daripada Jacques Aschenbroich, CEO

Para pekerja Valeo yang dihormati,

Kini sudah hampir 90 tahun sejak kita memulakan pembuatan bahagian dan peralatan automotif. Hari ini, Valeo telah diiktiraf sebagai sebuah syarikat teknologi yang inovatif, bekerjasama dengan pembuat auto di seluruh dunia untuk membangunkan teknologi pemanduan intuitif cepak sepenuhnya yang akan membawa kita ke masa hadapan.

Kejayaan dan pertumbuhan kita adalah berasaskan nilai mendalam yang telah ditetapkan: Etika, Ketelusan, Pemerksaan, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan beserta sekumpulan orang yang bersemangat terhadap syarikat, rakan sekerja dan pelanggan mereka.

Di mana lokasi operasi kita di dunia, apa sahaja aktiviti atau tanggungjawab yang diberikan, kita bertindak dengan penuh integriti dan menghormati satu sama lain, untuk pemegang kepentingan dan pemegang saham, juga untuk persekitaran kita.

Kita terus berkembang di seluruh dunia, kita mahu terus mendukung standard integriti paling tinggi dan berkongsi nilai kita bersama-sama warga dan rakan niaga kita, dengan masa hadapan Valeo terpacu di hati.

Tataetika ini mencerminkan Etika Perniagaan Valeo yang amat kukuh. Ia digunakan dalam kehidupan perniagaan seharian di Valeo dan untuk menangani situasi atau dilema yang mungkin dihadapi oleh kita. Ia akan membantu anda menemui jawapan atau panduan.

Namun di sebalik peraturan dan prinsip, semuanya mengenai integriti dan kesanggupan untuk melakukan perkara yang betul. Semuanya mengenai warga kita dan kerana inilah kita sebagai individu dan secara kolektif, adalah duta dan penjaga nilai etika kita serta prinsip dan masa hadapan kita.

Sila pelajari tataetika ini dengan teliti dan rujuk kepadanya dengan kerap. Anda akan memastikan masa hadapan kita berjaya dengan berkongsi tataetika ini serta prinsipnya bersama rakan sekerja anda. Sila tanya soalan dan dapatkan nasihat apabila anda mempunyai sebarang kebimbangan.

Yang benar,
Jacques Aschenbroich, CEO



“**DUA OBSESI KEMBAR SAYA
BAGI VALEO:
PERTUMBUHAN DAN
KEBERUNTUNGAN
DENGAN INTEGRITI**”

Jacques Aschenbroich, *Ketua Pegawai Eksekutif*





PENGENALAN KEPADA TATAETIKA

Pengenalan kepada tataetika

1.1 Satu budaya integriti

Ia sering menjadi dasar Valeo untuk mematuhi undang-undang negara yang menjadi lokasi kita beroperasi. Kita menggalakkan dan mematuhi Nilai Valeo—Ketelusan, Pemerkasaan, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan — perkara yang penting kepada budaya kecemerlangan dan integriti kita. Sejajar dengan Nilai kita, kita juga komited untuk mendukung prinsip global mengenai hak manusia, buruh, menghormati persekitaran dan antirasuah menerusi keahlian kami dalam Global Compact, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Di Valeo, kita percaya bahawa etika dan pematuhan penting untuk kepercayaan dan kepuasan semua individu berkepentingan dan pekerja kita. Lebih daripada segala-galanya, kita percaya dalam budaya integriti peribadi dan profesional, digabungkan dengan peraturan dan jangkaan yang jelas, menetapkan rangka kerja yang betul bagi pertumbuhan mapan dan menguntungkan.

Berdasarkan jejak global dan perkembangan pesat, kita ingin mengulangi komitmen kita terhadap etika dan pematuhan melalui Tataetika yang telah disemak semula yang mencerminkan budaya kecemerlangan dan integriti Kumpulan kita.

Berdasarkan standard perniagaan tertinggi, Tataetika Valeo menggariskan dasar, prinsip etika dan peraturan yang perlu kita patuhi. Ini merupakan dokumen tindakan, membimbing kerja kita pada setiap hari dan mencerminkan komitmen syarikat kita kepada pekerja, rakan kongsi perniagaan dan pelanggannya serta masyarakat dan alam sekitar.

Tertakluk kepada undang-undang tempatan, Tataetika berfungsi dengan dasar kita yang lain, peraturan dan pengaturannya yang memberi maklumat selanjutnya mengenai topik khusus. Dasar tambahan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, Dasar Perundangan Kumpulan, Dasar Pemasaran, Amalan Jualan, Manual Pentadbiran dan Kewangan (Manuel Administratif et Financier, atau M.A.F.) dan Tatakelakuan Baik yang merangkumi transaksi sekuriti serta pematuhan terhadap pengaturannya Perancis dalam perdagangan orang dalam. Tataetika ini juga selari dengan setiap 5 Paksi kita – Penglibatan Kakitangan, Jumlah Kualiti, Inovasi Berterusan, Integrasi Pembekal dan Sistem Pengeluaran Valeo.

Tataetika ini penting bagi pertumbuhan yang mapan dan berkeuntungan. Kita menjangkakan semua pekerja Valeo mengetahui dan mematuhi.

Terima kerana menyokong etika dan nilai perniagaan kita.

Catherine Delhaye
Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan

1.2 Kepada sesiapa yang berkenaan dengan tataetika ini



Tataetika Valeo merupakan dokumen panduan yang digunakan kepada semua pekerja Valeo secara saksama tanpa mengira jawatan mereka. Dengan itu, pemimpin di dalam syarikat mempunyai tambahan tanggungjawab; mereka hendaklah memimpin melalui teladan, membuat keputusan yang menggalakkan dan mematuhi Tataetika dan dasar yang berkaitan. Panduan mereka penting dalam mencipta persekitaran kerja yang beretika dan positif. Tataetika diwajibkan bagi semua pekerja, pengurus, eksekutif, anak syarikat, usaha sama dan entiti yang sama diuruskan atau dikawal oleh Valeo. Setiap pengarah, pegawai dan pekerja Kumpulan Valeo mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi Tataetika ini dan tidak boleh membuat perjanjian, kontrak, atau tindakan yang lain yang melanggar Tataetika ini atau undang-undang.

Tataetika yang khusus telah diwujudkan untuk pembekal dan rakan niaga lain bagi menyampaikan nilai dan jangkaan Valeo. Tataniaga rakan kongsi perniagaan ini memberikan garis panduan yang lebih khusus berkaitan dengan kerja kita dengan orang di luar Valeo. Tataetika tersebut tersedia di **portal Etika dan Pematuhan**.

Kita mempunyai sifar toleransi bagi pelanggaran kod. Salah laku atau tidak mematuhi Tataetika diambil serius dan boleh membawa kepada tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemberhentian.





INTEGRITI BERHUBUNGAN DENGAN ORANG DAN PERSEKITARAN KITA

Integriti berhubung dengan orang kita dan persekitaran kita

Semua pekerja berhak untuk bekerja dalam persekitaran yang positif, bebas daripada gangguan dan diskriminasi.

Dalam menyertai Global Compact bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2004, Valeo mahu menghormati dan menggalakkan di mana sahaja kita bekerja di dunia, hak asasi setiap orang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. Ini bermakna kita menerima dan melindungi nilai intrinsik setiap individu dengan mengikuti garis panduan yang berkaitan dengan gaji dan faedah, syarat umur minimum, hak yang sama untuk lelaki dan wanita serta dengan menghormati kehidupan peribadi pekerja.

Keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja adalah aspek utama komitmen Valeo yang lebih luas untuk pembangunan yang mampan. Pekerja kita adalah sumber atau jantung kepada operasi kita dan kita ingin memupuk semangat saling menghormati dan terangkum di tempat kerja berteraskan nilai etika dan ketelusan kita.

2.1 Memastikan keselamatan tempat kerja

Kita komited untuk mengekalkan tempat kerja selamat yang mematuhi semua undang-undang kesihatan dan keselamatan tempat kerja yang digunakan serta dasar kita sendiri. Standard keselamatan telah dibangunkan untuk melindungi pekerja kita dan untuk menjadikan operasi kita selamat yang mungkin. Standard-standard ini perlu diikuti dengan teliti.

Ia penting bahawa setiap pekerja memahami standard kesihatan yang khusus, keselamatan serta sekuriti yang berkaitan dengan kedudukan masing-masing. Sebarang bahaya atau kebimbangan hendaklah dilaporkan segera bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kecederaan.

Sila rujuk portal RIE <https://sites.google.com/a/valeo.com/valeo-risks-insurance-environment-portal/group-policy-directives/risk-management-manual> dan ikut arahan dengan teliti

Dalam memastikan komitmen kita terhadap keselamatan, kita mengekalkan tempat kerja yang bebas alkohol dan dadah. Kita melarang keras pengedaran, penjualan, pembelian, pertukaran, pemilikan dan penggunaan dadah haram di tempat kerja. Larangan yang sama dikenakan terhadap alkohol dengan beberapa pengecualian; penggunaan yang munasabah di pihak syarikat boleh diterima apabila dibenarkan oleh undang-undang tempatan dan dinyatakan kebenarannya oleh pihak pengurusan tempatan. Merokok hanya dibenarkan di kawasan yang telah ditentukan.



2.2 Menghormati hak kemanusiaan

Kita memerangi buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Kita tidak menggaji kanak-kanak di bawah umur 16 tahun dan mematuhi Konvensyen ILO yang berkaitan dengan penggajian kanak-kanak antara umur 15 dan 18 tahun. Kita menjangkakan pembekal dan rakan kongsi untuk mematuhi standard ini.

Semua operasi kita bebas daripada buruh paksa. Pekerja dilayan dengan adil, sama rata dan dibayar mengikut undang-undang gaji yang digunakan (termasuk gaji minimum, lebih masa dan faedah yang mendapat mandat).

Pekerja kita berhak untuk menyatakan perasaan mereka dan menyertai atau menubuhkan kesatuan sejajar dengan undang-undang tempatan. Dialog sosial yang boleh dipercayai dan aktif juga dihargai dan digalakkan di Valeo. Hak asasi manusia dan keselamatan pekerja dan rakan kongsi perniagaan merupakan perkara paling penting untuk Valeo; oleh itu, sesiapa yang mengesyaki pelanggaran hak asasi manusia hendaklah bersuara, mengetahui bahawa Valeo melindungi daripada sebarang perbuatan potensi tindakan balas.

Sila rujuk **Bahagian 7: “Menyuarakan Kebimbangan – Amaran”** untuk mempelajari cara untuk membuat laporan.



2.3 Membangunkan orang ramai – menghargai kepelbagaian

Penglibatan kakitangan kita adalah sebahagian daripada metodologi 5 Paksi Valeo dan membantu kita membina budaya kecemerlangan.

Valeo kerap melabur dalam latihan dan pengkhususan pekerja. Kemahiran dan aset baharu membawa kepada tahap prestasi yang lebih tinggi dan autonomi serta potensi untuk peningkatan tanggungjawab.

Pelbagai peluang pekerjaan tersedia dan kami menawarkan bayaran yang adil serta saksama.

Kesejahteraan di tempat kerja sangat penting; sebab inilah kita mendengar dengan teliti pandangan warga Valeo melalui tinjauan dan undian. Di kebanyakan negara, kita telah berjaya membangunkan program Kesejahteraan di Tempat Kerja. Hasilnya, kita telah diiktiraf sebagai majikan teratas di kebanyakan negara.

Tenaga kerja global kita adalah pelbagai dan kita mengalu-alukan kepelbagaian sebagai salah satu aset terhebat. Beberapa program telah dibuat untuk menggalakkan kepelbagaian dengan tumpuan khusus kepada wanita, warga emas dan orang kurang upaya. Kita juga mengalu-alukan generasi lebih muda dengan latihan serta perantis. Untuk mengetahui selanjutnya mengenai program kepelbagaian Valeo, sila baca [Laporan Tahunan Valeo](#).



2.4 Mencegah diskriminasi dan gangguan

Kita tidak membenarkan diskriminasi dan mematuhi undang-undang yang melarangnya. Keputusan pengambilan kerja kita — termasuk tetapi tidak terhad kepada pengambilan, latihan, pampasan, faedah dan tugas kerja, kenaikan pangkat — adalah berdasarkan objektif kelayakan, jawatan, pengalaman dan prestasi.

Valeo tidak mengambil kira tempat lahir, keturunan, jantina, keutamaan seksual, umur, status keluarga, ciri genetik, bangsa, kaum, pendapat politik, aktiviti kesatuan, penampilan fizikal, kesihatan, kecacatan, kehamilan atau sebarang status lain yang dilindungi apabila membuat keputusan.

Kita memerangi gangguan untuk membina tempat kerja yang selamat dan saling menghormati. Sebarang gangguan seksual atau psikologi, buli atau sebarang tingkah laku yang mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan atau menakutkan adalah tidak dibenarkan.

Mana-mana pekerja yang percaya bahawa dia telah diganggu atau percaya gangguan sedang berlaku hendaklah melaporkan kelakuan tersebut dengan segera kepada sama ada pengurusnya, Naib Presiden Kumpulan untuk Sumber Manusia, Penasihat Am Kumpulan atau Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan.

Sebarang laporan diskriminasi, gangguan atau pembulian akan dikendalikan dengan segera dan secara sulit tanpa ancaman tindakan balas.

Untuk maklumat selanjutnya mengenai dasar sifar toleransi Valeo terhadap gangguan dan diskriminasi, pekerja digalakkan untuk merujuk kepada [Dasar Pelaporan Antigangguan](#).



2.5 Menghormati persekitaran



Pengawasan alam sekitar adalah sebahagian besar daripada identiti kita. Kita mengambil kira kelestarian dan matlamat untuk membangunkan teknologi inovatif dan sumbangan unik terhadap kesejahteraan masyarakat dan alam semula jadi di lokasi operasi kita. Dengan mematuhi undang-undang alam sekitar tempatan dan mengekalkan standard tinggi kita sendiri, kita bertindak dengan integriti, membina kepercayaan dan memastikan pertumbuhan Valeo yang lama pada masa hadapan.

Kita komited terhadap program bercita-cita tinggi bagi pembangunan mapan yang memberi kesan positif terhadap persekitaran dan masyarakat.

Kita melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) untuk melindungi alam sekitar dengan mengoptimumkan sumber semula jadi dan mengurangkan pelepasan sisa semasa penciptaan dan penggunaan semua produk kita. Di samping itu kita melarang pembuatan atau penjualan produk yang memberikan risiko yang tidak boleh diterima untuk kesihatan individu dan alam sekitar.

Prosedur terperinci untuk melaksanakan dan menilai kejayaan kita boleh ditemui dalam **Dasar Persekitaran Kumpulan**.

Perjanjian Tanggungjawab Sosial Korporat yang telah kita tandatangan bersama Majlis Kerja Eropah pada tahun 2012 menggariskan standard serta komitmen sosial, korporat dan alam sekitar yang perlu kita patuhi untuk menggalakkan pembangunan mapan. Perjanjian ini menjangkau ke negara bukan Eropah dengan kerjasama oleh kepimpinan tempatan.



INTEGRITI DI PASARAN: MELAKUKAN PERNIAGAAN SECARA ADIL

Integriti di pasaran: Menjalankan perniagaan secara adil

Di Valeo, kita tahu bahawa amalan perniagaan beretika memastikan kejayaan semasa dan masa hadapan kita. Sebab inilah kita mematuhi dasar dan undang-undang yang menggalakkan persaingan adil dalam pasaran dan perlindungan terhadap amalan antipersaingan, sogokan dan rasuah. Akibat daripada melanggar peraturan dalam bidang ini adalah berat bagi Valeo dan individu yang terlibat.

3.1 Berurusan secara adil dan jujur dengan pelanggan

Kita menghargai kepercayaan pelanggan dan kita tahu ia perlu diperoleh setiap hari. Kita tahu bahawa kepuasan pelanggan dicipta dengan inovasi, produk berkualiti tinggi dan standard etika dalam semua urusan.

Dalam setiap apa yang kita lakukan, kita berusaha untuk menambah nilai kepada pelanggan. Kita bertekad untuk memenuhi komitmen dan memberikan bekalan dijanjikan. Kita menghormati harta intelek dan maklumat sulit Pelanggan kita. Kita menolak cara yang tidak beretika untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Kita percaya bahawa keadilan, saling hormat menghormati dan integriti di kalangan rakan perniagaan, pelanggan, pembekal dan pemegang kepentingan yang lain adalah asas bagi hubungan kualitatif dan saling menguntungkan untuk jangka panjang.



3.2 Mendukung amalan persaingan adil

Program antikepercayaan kita adalah berdasarkan kepada prinsip ringkas dan tidak boleh dipersoalkan: kita menghormati integriti pasaran dan menolak sebarang tindakan yang menyalahi undang yang bertujuan untuk memacu pesaing secara tidak adil luar daripada perniagaan atau memaksa rakan kongsi perniagaan untuk menerima syarat perdagangan yang tidak adil. Kita melarang keras amalan anti persaingan.

Secara khusus, kita tidak melakukan pakatan sulit dengan pesaing dalam kartel, terlibat dalam penetapan harga, pasaran perkongsian atau memanipulasi bidaan. Kita perlu mengelakkan penampilan tingkah laku yang tidak kompetitif. Sama juga, berhati-hati untuk mematuhi undang-undang anti kepercayaan, kita tidak bertukar data perniagaan yang sensitif dengan pesaing.

Sila rujuk kepada **Boleh dan Tidak Boleh dalam Antitrust** kita.

Banyak jawapan kepada persoalan anda dalam: **S&J Antitrust** kita.

Kita perlu berhati-hati mengenai menyertai persatuan perdagangan atau kumpulan kerja kerana ini menyebabkan kita berinteraksi dengan pesaing. Penglibatan dalam persatuan perniagaan yang diselia oleh **Dasar Keahlian Valeo kepada Persatuan Perniagaan dan Kumpulan Kerja** dan tertakluk kepada prakelulusan.

Senarai Persatuan & Kumpulan Kerja yang Diluluskan tersedia pada Portal Etika dan Pematuhan. **Dasar Penglibatan Valeo dalam Persatuan, Perjumpaan dan Acara Kumpulan Kerja** memberikan panduan tambahan.

Perjanjian kerjasama dengan pihak berkepentingan industri automotif hendaklah sah, telus dan diuruskan dengan teliti. **Menguruskan pematuhan dalam projek usaha sama yang melibatkan pihak ketiga** kita memberikan panduan mengenai perjanjian ini. Proses ini ditekankan dalam metodologi pembangunan projek kita dan juga dalam prosedur R&D.

Kita menjangkakan pihak ketiga Valeo untuk memahami dasar dan jangkaan Valeo sert mematuhi standard integriti kita yang berkaitan dengan anti kepercayaan. **Buku Panduan Kesedaran Risiko Antikepercayaan Pihak Ketiga** dan program e-pembelajaran telah dibuat untuk latihan dan panduan yang lebih terperinci.

Kita mematuhi **Dasar Data Perniagaan Sensitif dan Perkongsian Maklumat Valeo** dengan berhati-hati yang menyediakan panduan semasa berkomunikasi dengan pesaing. Ia penting bahawa kita menyimpan rekod menyeluruh mengenai perbincangan dan mesyuarat yang melibatkan pesaing. Kita mesti menjauhi sebarang perbincangan yang melibatkan pesaing yang kelihatan berisiko atau bermasalah dan perlu melaporkan sebarang kebimbangan secepat mungkin kepada Peguam dan/atau Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan Valeo.

Pelanggaran dasar anti kepercayaan Valeo ini boleh menyebabkan tindakan disiplin seperti denda yang berat terhadap syarikat dan individu yang terlibat, kehilangan perniagaan masa hadapan dan merosakkan reputasi kita. Apabila anda ragu-ragu, sila rujuk dengan Jabatan Undang-undang atau Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan.

3.3 Mencegah sogokan dan rasuah

Prinsip kita amat jelas: Sogokan dan rasuah dilarang di Valeo. Kita mematuhi semua undang-undang negara berkaitan (termasuk Akta Amalan Rasuah Asing, Akta Sogokan UK dan lain-lain).

Kita menyedari dan mengelakkan tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai percubaan untuk mempengaruhi pelanggan, kerajaan atau keputusan pentadbiran dalam perkara yang melibatkan Valeo. Kita mengelakkan sebarang keadaan, Valeo mungkin dianggap sebagai mudah terdedah kepada sogokan aktif atau pasif.

Menerima hadiah dan keraian

Dasar Valeo melarang penerimaan apa-apa hadiah atau ganjaran seperti wang, barang niaga, perkhidmatan, keraian, pengangkutan, pertolongan dan barangan yang sama kecuali jika hadiah atau ganjaran tersebut dalam nilai minimum.

Jika hadiah atau ganjaran yang tidak sesuai telah pun diterima, ia perlu dikembalikan kepada pemberi melainkan tindakan dianggap biadap untuk menolak atau mengembalikan hadiah tersebut. Apabila menolak hadiah dianggap sebagai tindakan yang kasar, pekerja hendaklah memaklumkan kepada Naib Presiden Kumpulan untuk Sumber Manusia, Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan atau Jabatan Undang-undang. Kita juga perlu memaklumkan pemberi hadiah mengenai dasar kita yang ketat bagi hadiah untuk mengelakkan sebarang situasi bermasalah pada masa hadapan.

Mengehadkan hadiah, jemputan dan keraian kepada rakan niaga perdagangan

Pekerja Valeo dan pihak ketiga dilarang daripada menjanjikan atau memberi apa-apa hadiah, jemputan atau keraian untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Ini termasuk hadiah dan keraian yang disediakan secara langsung atau tidak langsung kepada pelanggan, pembekal atau pihak ketiga yang lain.

Pekerja Valeo hanya boleh memberikan hadiah atau keraian yang wajar, tidak kerap dan sejajar dengan **Dasar Hadiah, Keraian dan Layanan Baik Valeo**. Dasar ini menetapkan peraturan umum dan had untuk hadiah, jemputan dan keraian. **Addenda Tempatan** yang berkaitan menetapkan pengkhususan tempatan yang diperlukan. Alat membuat keputusan tersedia untuk membantu warga Valeo membuat keputusan yang betul atau meminta pertolongan. Kita juga perlu menghormati dasar hadiah dan keraian syarikat lain yang bekerjasama dengan kita.

Sogokan secara amnya merujuk kepada wang, ia juga boleh melibatkan perkara bukan kewangan atau sesuatu yang bernilai seperti hadiah, faedah, keraian, derma dan layanan baik. Sila baca **S&J Antisogokan Valeo** dan rujuk dengan pengurusan anda atau Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan untuk maklumat selanjutnya.

Sogokan boleh berlaku dalam beberapa bentuk. Ia penting untuk sentiasa berjaga-jaga. Kita dijangka untuk berunding dengan Jabatan Undang-undang atau Pejabat Pematuhan jika terdapat sebarang keraguan dan segera maklumkan pengurusan jika kita mengesyaki rasuah berlaku.

Melarang pembayaran kepada pegawai dan kakitangan kerajaan

Dasar antisogokan dan antirasuah Valeo juga digunakan kepada semua urusan dengan kerajaan dan pegawai awam, agensi dan kakitangan pentadbiran.

Pegawai kerajaan ditakrifkan secara meluas sebagai: pegawai kerajaan, ketua jabatan kerajaan, wakil dan calon politik, ejen kastam dan pekerja kerajaan yang dipilih atau dilantik yang lain termasuk syarikat milik kerajaan atau negeri dan pekerja mereka. Oleh kerana sukar untuk mengenal pasti pegawai kerajaan, kita perlu menanyakan soalan jika situasi tidak jelas.

Kita dilarang daripada memberi atau menjanjikan untuk memberi, menawarkan, membayar atau berjanji untuk memberi atau membayar dalam apa jua cara, secara langsung atau tidak langsung apa-apa yang bernilai kepada mana-mana kerajaan atau pegawai awam sebagai pertukaran untuk suatu tindakan yang tidak adil yang menguntungkan atau kelebihan perniagaan yang tidak wajar.

Rakan niaga dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Valeo yang berinteraksi dengan pegawai awam juga tertakluk kepada dasar kita mengenai sogokan dan rasuah yang boleh didapati pada [portal Etika dan Pematuhan](#).

Cara yang baik untuk mengelakkan sogokan dan peras ugut adalah dengan merancang lebih awal apabila bekerja dengan kerajaan supaya kita tidak perlu meminta pertolongan, layanan khas atau mendapati diri kita dalam keadaan yang sukar.

Jangan menambah baik, jangan datang lewat dan sentiasa mengambil kira faktor dalam perancangan projek anda, masa yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan yang sesuai. Sila rujuk kepada [dasar memerangi rasuah, mencegah dan menentang peras ugut Valeo](#) dan jalani latihan yang berkaitan kerana ia memberikan maklumat yang lebih terperinci.



Bayaran pemudahan

Kita perlu mengenal pasti perbezaan di antara permintaan pembayaran yang sah dan permintaan untuk bayaran pemudahan. Bayaran pemudahan ialah bayaran sebagai ganjaran untuk prestasi dipercepatkan bagi tugas rutin kerajaan.

Valeo menganggap bayaran pemudahan sebagai sogokan dalam kebanyakan keadaan. Mungkin kadangkala kita berdepan dengan ancaman sebenar keganasan dan situasi yang mengancam nyawa, dalam keadaan ini dibenarkan untuk membuat bayaran. Undang-undang membenarkan pengecualian yang sempit kepada dasar kita terhadap memberikan bayaran pemudahan apabila berdepan dengan situasi yang mengancam nyawa. Jika anda berdepan dengan keadaan seperti ini, buat bayaran untuk melindungi keselamatan anda dan selepas itu sila laporkan mengenai bayaran secepat mungkin.



Melarang sumbangan politik dan kebajikan

Pekerja Valeo dialu-alukan untuk menyokong calon politik dan tujuan mereka pada masa peribadi mereka dengan sumber mereka sendiri. Masa dan sumber Valeo tidak boleh digunakan untuk memberi sokongan kepada parti politik, pegawai atau calon yang dipilih untuk jawatan. Pengehadan yang sama digunakan kepada tujuan kesatuan dan agama. Sumbangan kebajikan masa atau sumber yang dibuat bagi pihak Valeo tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

3.4 Menjamin integriti dalam pemerolehan dan pilihan pembekal

Selaras dengan Integrasi Pembekal, salah satu daripada 5 Paksi dalam model operasi, kita telah membangunkan perkongsian dengan rangkaian luas pembekal dan rakan kongsi perniagaan serta kita mahu perkongsian menjadi sah, beretika dan saling menguntungkan.

Kita memilih rakan kongsi perniagaan berdasarkan kualiti, keperluan, prestasi dan kos. Kita menjangkakan rakan kongsi untuk komited dengan hak asasi manusia, jualan dan amalan pemasaran yang adil, maklumat sulit dan harta intelek, antisogokan dan rasuah dan memenuhi standard etika tertinggi.

Menjadi tanggungjawab setiap pekerja dan pengurus Valeo untuk memilih rakan kongsi perniagaan berasaskan merit, tanpa pilih kasih atau diskriminasi dan seterusnya melalui proses pemilihan yang teliti.

Melabur dalam rakan kongsi perniagaan atau meminjamkan wang kepada rakan kongsi perniagaan tidak dibenarkan. Kita tidak boleh secara langsung atau tidak langsung menerima sebarang sogokan atau rasuah.

Kita mempunyai **Tatakelakuan Rakan Kongsi Perniagaan** berasingan yang memperincikan garis panduan khas dan standard berkaitan pembekal dan rakan kongsi perniagaan. Tatakelakuan Rakan Kongsi Perniagaan tersedia pada **portal Etika dan Pematuhan**. Jika anda mempunyai soalan apabila berurusan dengan salah satu rakan perniagaan Valeo, jangan teragak-agak untuk bertanya kepada Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan.



3.5 Menetapkan rangka kerja perkongsian beretika bersama ejen dan orang tengah

Tindakan pihak ketiga mempunyai kesan langsung kepada Valeo. Penting untuk semua individu dan entiti yang menjalankan perniagaan bagi pihak Valeo, terutamanya dengan pelanggan milik kerajaan atau pegawai awam, menyokong standard toleransi sifar kita berkaitan antitrust, rasuah dan sogokan. Orang tengah pihak ketiga dan ejen yang dipilih berasaskan kepada **dasar Pemilihan dan Pengekalan Penuh serta Penjajaran Orang Tengah Pihak Ketiga Valeo** untuk memastikan rakan kongsi kita berkongsi standard integriti dan etika perniagaan ini.

Kita hanya boleh melakukan perniagaan dengan pihak ketiga yang diluluskan sejajar dengan dasar di atas. Kita memerlukan pihak ketiga untuk bersetuju dengan **Terma dan Syarat Orang Tengah Pihak Ketiga Valeo** yang melarang sogokan dan rasuah, memerlukan pematuhan terhadap tataetika ini dan menyenaraikan dengan tepat kos perkhidmatan.

Banyak alat telah diwujudkan untuk mendidik pihak ketiga mengenai standard etika kita yang tinggi, termasuk **tataniaga Rakan Perniagaan Valeo**. **Buku Panduan Kesedaran Risiko Pematuhan Antisogokan Rakan Perniagaan Valeo** dan **e-pembelajaran Kesedaran Antisogokan Rakan Perniagaan Valeo** menyediakan panduan selanjutnya mengenai cara untuk mengelakkan dan mengesan sogokan dan rasuah.

Ketidakpatuhan kepada tataetika dan dasar kita dianggap sebagai sesuatu yang amat serius. Pelanggaran boleh mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan kontrak rakan kongsi perniagaan.





INTEGRITI DAN PERLINDUNGAN HARTANAH DAN ASET VALEO

Integriti dan perlindungan harta dan aset Valeo

Sebagai sebuah syarikat teknologi, Valeo banyak melabur dalam penyelidikan dan inovasi. Program penyelidikan yang bercita-cita tinggi dan berjaya membuatkan kita berada di hadapan dalam bidang ini dan kita bangga dengan pelbagai paten yang telah kita daftarkan pada setiap tahun. Inisiatif dan pelaburan R&D kita yang berkaitan perlu kekal disulitkan. Kejayaan kita bergantung kepada keupayaan kita untuk mengenal pasti strategi komersil dan geografi yang betul dan untuk membuat pelaburan yang betul. Untuk memastikan kita boleh berkembang dan beroperasi dengan berkesan, aset dan maklumat sulit perlu dilindungi dan terjamin.

Kita semua bertanggungjawab untuk menggunakan harta dan aset Valeo dengan betul, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Harta intelek
- Maklumat sulit
- Data teknologi
- Perkakasan dan perisian komputer
- Media untuk storan data
- Hartanah
- Peralatan, mesin dan alat
- Bahan mentah
- Tunai

Melindungi aset Valeo dan memastikan kerahsiaan memerlukan disiplin dan perhatian. Ia menjadi satu usaha berterusan yang tidak berhenti apabila kita meninggalkan pejabat. Maklumat selanjutnya mengenai cara untuk memastikan maklumat selamat dan terjamin boleh ditemui dalam **Dasar Kerahsiaan dan Imej Valeo**.



4.1 Melindungi maklumat dan harta intelek Valeo

Mengekalkan kerahsiaan maklumat dan rekod Valeo adalah penting kepada kelebihan daya saing kita. Maklumat sulit yang perlu dijaga dengan teliti termasuk data mengenai Valeo:

- Projek dan perjanjian komersil
- Data kewangan, harga dan kos
- Strategi komersil, pelaburan dan pengembangan
- Pelanggan dan pembekal
- Hak harta intelek, hak cipta dan lukisan
- Maklumat peribadi mengenai pekerja atau pelanggan kita
- Maklumat teknologi dan sebarang maklumat sensitif yang lain, seperti maklumat mengenai dapatan unit pengeluaran, projek R&D, paten
- Semua bahan lain, maklumat bukan umum

Semasa bekerja untuk Kumpulan Valeo dan selepas berhenti daripada syarikat, kita tidak boleh menggunakan atau mendedahkan sebarang maklumat sulit.

Penggunaan yang betul maklumat sulit bermakna menyimpan kata laluan dan kod sebagai peribadi. Kita perlu menggunakan teknologi syarikat, bahan dan ruang secara eksklusif untuk tugas profesional, mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghalang sebarang penggunaan yang tidak dibenarkan bagi aset syarikat seperti yang tertera dalam **Piagam Teknologi Maklumat Valeo**.

Kita juga menghormati hak harta intelek, rahsia perdagangan dan hak cipta rakan kongsi perniagaan kita termasuk perisian, imej dan penerbitan.

Sebarang pelanggaran garis panduan kerahsiaan atau harta intelek kita boleh mengakibatkan tindakan disiplin malah pendakwaan.



4.2 Melindungi kerahsiaan maklumat peribadi pekerja

Kita mengambil pelbagai langkah untuk melindungi maklumat peribadi pekerja. Maklumat peribadi boleh termasuk:

- Nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan
- Maklumat perhubungan dan tarikh lahir
- Maklumat kewangan, perubatan dan pampasan
- Maklumat penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan pekerjaan lain yang berkaitan

Akses kepada jenis maklumat seperti ini terhad kepada individu yang dibenarkan. Kita menggunakan, menguruskan dan mendedahkan maklumat ini sejajar dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Setiap pekerja mesti melindungi data peribadi masing-masing. Kita dilarang daripada mencari data tersebut mengenai pekerja lain melainkan dibenarkan untuk melakukan sedemikian yang berhubung dengan tugas mereka. Selain daripada individu yang dibenarkan, pekerja hanya boleh mengakses maklumat yang berkaitan dengan diri mereka.

Pekerja Valeo memahami bahawa mereka tidak boleh mengharapkan privasi apabila menggunakan sistem syarikat, kecuali di negara yang membenarkan privasi oleh undang-undang. Maklumat selanjutnya mengenai komitmen Valeo terhadap privasi boleh ditemui dalam Piagam IT Valeo.



4.3 Menghormati harta intelek dan kerahsiaan pihak ketiga

Kita menghormati harta intelek dan maklumat peribadi orang lain. Kita menolak cara tidak beretika atau yang salah di sisi undang-undang dalam mendapatkan maklumat sulit atau persendirian orang lain.

Walaupun selepas pekerja meninggalkan Valeo, mereka perlu melindungi maklumat sulit Valeo dan tidak berkongsinya dengan orang lain.

4.4 Mengelakkan konflik kepentingan – setia kepada Valeo

Kita mesti menjalankan tanggungjawab dan tugas kita dengan setia. Tiada aktiviti boleh dijalankan jika ia menimbulkan konflik kepentingan antara pekerja Valeo dan syarikat.

"Konflik kepentingan" wujud apabila kepentingan peribadi pekerja mengganggu kepentingan Valeo. Beberapa contoh konflik kepentingan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Mempunyai saham pemilikan syarikat yang bersaing dengan Valeo
- Mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan yang muncul kerana kita bekerja untuk Valeo
- Mencuba untuk menjual produk atau perkhidmatan kepada Valeo, secara langsung atau tidak langsung
- Berada dalam lembaga pengarah organisasi lain yang mempunyai urusan dengan atau berada dalam industri yang sama seperti Valeo
- Mendapat manfaat secara peribadi (atau saudara dekat) daripada transaksi yang melibatkan syarikat dalam Kumpulan Valeo

Bakat dan kesetiaan pekerja adalah penting kepada kejayaan kita. Kita jangan sekali-kali cuba untuk melemahkan kejayaan syarikat untuk keuntungan peribadi.

Menyadari dan mengelakkan hubungan atau aktiviti yang boleh menyebabkan atau kelihatan seperti konflik kepentingan. Keputusan kita harus memikirkan kepentingan Valeo.

Eksekutif dan pekerja pengurusan mempunyai tanggungjawab tambahan untuk mengelakkan konflik kepentingan. Tiada eksekutif atau ahli pengurusan boleh memegang pekerjaan kedua, atau memiliki atau mengendalikan perniagaan yang akan mengganggu tumpuan daripada tugasnya di Valeo. Peraturan ini tidak melarang penglibatan sementara, waktu kerja luar, dalam perniagaan keluarga (dimiliki oleh isteri atau suami atau ahli keluarga) yang tidak kompetitif dengan Valeo.

Kita dijangka untuk mendedahkan sebarang aktiviti yang berpotensi atau hubungan yang menimbulkan konflik kepentingan kepada pengurus kita, jabatan Sumber Manusia, Peguam Kumpulan, Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan dan/atau Pengarah Audit Dalam. Jika anda ragu-ragu, sila rujuk kepada Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan.



Bersuara apabila kita menyaksikan atau mengesyaki sebarang salah laku, memegang teguh komitmen kita kepada integriti. Tiada tindakan balas terhadap mereka yang berani bersuara adalah peraturan kita. Sila rujuk "**Bahagian 7. Menyuarakan kebimbangan – Amaran**" untuk panduan selanjutnya mengenai menyuarakan kebimbangan.

4.5 Komited terhadap profesionalisme dan kualiti

Tahun demi tahun, melalui komitmen kita untuk inovasi dan kualiti, kita berusaha untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai kepada pelanggan dan rakan kongsi kita. Komitmen ini menyebabkan kita telah mendapat pujian dan rasa hormat daripada orang lain dalam industri ini.

Produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi kita bergantung kepada integriti dan kebolehpercayaan sistem pengeluaran kita. Kita mempunyai standard pengeluaran dan kawalan kualiti yang ketat, memastikan produk kita memenuhi semua keperluan undang-undang, pengawalaturan dan pelanggan yang berkenaan. Matlamat untuk mempertingkatkan kualiti memberikan motivasi dan memperkasakan kita semua.

Kewaspadaan, ketelusan dan laporan awal kepada pengurusan bagi sebarang isu anggapan, seperti bahagian yang rosak, kesukaran pengeluaran yang sebenar atau berpotensi adalah asas teras bagi etika perniagaan dan penghantaran kita. Perhatian terperinci dan profesionalisme tersebut adalah dijangka dan memastikan kejayaan kita.



4.6 Kebenaran dan ketepatan akaun, buku dan rekod

Semua aset, liabiliti, perbelanjaan dan transaksi lain yang dijalankan oleh syarikat dalam Kumpulan Valeo mesti direkodkan dalam buku serta akaun syarikat yang disimpan dengan benar dan tepat, selaras dengan prinsip perakaunan, peraturan dan undang-undang syarikat yang berkuat kuasa.

Dana yang tidak didedahkan atau aset tanpa rekod syarikat Valeo atau anak syarikatnya hendaklah ditetapkan atau dikekalkan atas sebarang sebab. Dokumen yang berkaitan dengan urus niaga komersil atau kewangan hendaklah mencerminkan urus niaga ini dengan jujur. Tiada pembayaran boleh diluluskan atau dibuat dengan tujuan atau pemahaman bahawa semua atau mana-mana bahagian daripada pembayaran tersebut akan digunakan untuk sebarang tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam dokumen yang menyokong pembayaran tersebut.

Tiada masukan palsu atau tiruan boleh dibuat dalam buku dan rekod Valeo atau anak syarikatnya atas apa juga sebab.

Integriti buku dan rekod kita

Ketelusan merupakan prinsip utama: perakaunan dan penyimpanan rekod yang tepat adalah kritikal untuk mencegah tindakan korup dan penipuan. Semua perbelanjaan, pembayaran, rekod dan buku hendaklah mencerminkan dengan tepat penggunaan dan sifat urus niaga. Buku dan rekod yang tidak betul, tidak lengkap atau mengelirukan adalah dilarang sama sekali.



Mengekalkan buku dan rekod yang tepat

Kualiti dan kebolehpercayaan penyimpanan rekod kita adalah sangat penting kepada kita. Semua buku dan akaun Valeo hendaklah merekodkan semua aset, liabiliti, perbelanjaan dan urusan niaga lain syarikat sejajar dengan semua prinsip perakaunan, dasar dan undang-undang.

Rekod, buku dan dokumen palsu boleh termasuk:

- Laporan yang mengelirukan
- Meminda atau melupuskan rekod syarikat dengan cara yang tidak betul
- Menawarkan maklumat kewangan yang palsu atau mengelirukan kepada pelanggan, pembekal, pengawal selia atau pemegang saham

Kita mesti mengekalkan dan mengkatalogkan rekod kita sejajar dengan undang-undang tempatan dan prosedur dalaman Valeo.

Setengah rekod perlu disimpan selama bertahun-tahun dan yang lain perlu dimusnahkan pada jadual yang tetap. Sila rujuk dengan Jabatan Perundangan atau Kewangan jika anda tidak pasti mengenai sama ada atau tidak untuk menyimpan rekod.

Mengekalkan rekod kita dengan tepat merupakan topik yang penting dan terperinci. Maklumat lanjut tentang dasar penyimpanan rekod Valeo boleh didapati dalam Manual Pentadbiran dan Kewangan (Manuel et Administratif Financier, atau M.A.F.). Sebarang isu mengenai salah laku dengan rekod kita akan dikendalikan dengan kerahsiaan dan tanpa ancaman tindakan balas. Pekerja hendaklah memaklumkan pihak pengurusan dengan segera jika mereka menyaksikan atau mengesyaki pelanggaran.

Sila rujuk dengan M.A.F.

4.7 Membanteras pengubahan wang haram

"Pengubahan wang haram" berlaku apabila individu memanipulasi rekod kewangan untuk menyembunyikan dana haram atau membuat sumber dana haram kelihatan sah. Amalan pengubahan wang haram sering dikaitkan dengan aktiviti keganasan dan menyalahi undang-undang. Komitmen Valeo kepada kualiti dalam rekod kewangannya memerlukan pendirian toleransi sifar terhadap pengubahan wang haram. Kita menukar barangan dan perkhidmatan kita untuk bentuk bayaran yang boleh diterima sahaja.

Sila rujuk **Buku panduan Pasukan Kewangan** untuk bantuan tentang mengesan risiko sogokan dan pengubahan wang haram.

Untuk mengurangkan risiko yang membolehkan bakal pengubah wang haram, kita hendaklah mengenali pelanggan dan menyedari pesanan atau bayaran luar biasa.

Dengan memantau bayaran kita dengan teliti, invoice dan urus niaga lain, kita boleh mencegah pengubahan wang haram dengan lebih baik. Laporkan sebarang bayaran yang luar biasa atau mencurigakan, permintaan pembayaran atau urus niaga kewangan kepada Pengarah Kewangan atau Pengarah Perbendaharaan Kumpulan.





KOMUNIKASI BERETIKA

Komunikasi beretika

Kita berkomunikasi dengan jelas, secara jujur dan konsisten dengan para pemegang saham kita, media dan pihak luar yang lain. Ini termasuklah komunikasi menggunakan internet dan media sosial, melalui telefon dan secara peribadi. Kita hanya membincangkan maklumat yang telah diluluskan untuk kegunaan luar dan adalah selaras dengan dasar kerahsiaan Valeo dan dasar Jabatan Komunikasi Valeo.

5.1 Berkomunikasi dengan berhati-hati

Komunikasi bagi pihak Valeo kepada media atau pelabur memerlukan penyediaan yang teliti dan kelulusan terlebih dahulu daripada Naib Presiden Komunikasi atau Pengarah Perhubungan Pelabur. Sekiranya anda diminta untuk diwawancara oleh media atau mana-mana pihak luar yang lain, termasuk syarikat yang menjalankan kaji selidik atau mencari pendapat pakar, dapatkan kebenaran daripada Naib Presiden Jabatan Komunikasi sebelum memberikan maklum balas. Jika memberikan wawancara, orang yang diberi kuasa hendaklah diiringi oleh wakil Jabatan Komunikasi atau Perhubungan Pelabur.

Persidangan juga merupakan peluang yang besar untuk mempamerkan inovasi dan kepakaran Valeo. Pastikan pengurusan tahu, dan telah meluluskan, persidangan dan acara yang anda hadiri. Sekiranya pesaing mungkin hadir, pastikan pembentangan anda disemak oleh pengurusan, Jabatan Komunikasi Kumpulan dan Jabatan Undang-undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan.



5.2 Menggunakan media sosial dengan berhati-hati

Valeo menggunakan media sosial seperti Facebook, LinkedIn dan Twitter untuk berkomunikasi dengan pelanggan dan pemegang kepentingan. Bagaimanapun, hanya jurucakap yang ditentukan daripada Jabatan Komunikasi sahaja dibenarkan untuk berkomunikasi bagi pihak Valeo melalui Media Sosial.

Kita bebas untuk menggunakan akaun media sosial jika didapati sesuai dengan masa kita, namun kita perlu berhati-hati dengan risiko yang terlibat. Sering kali, maklumat yang kita percaya sebagai peribadi boleh dilihat oleh khalayak ramai di media sosial dan kurang berhati-hati boleh membawa kepada pendedahan maklumat sulit pemegang kepentingan Valeo.

Semasa menggunakan Facebook, Twitter, Instagram dan juga mana-mana media sosial yang lain untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dan kenalan, pastikan anda menghormati syarikat, pekerja Valeo dan melindungi maklumat sulit kita.

Sila lihat **Dasar Kerahsiaan dan Imej** kita dan Garis Panduan Media Sosialnya untuk maklumat selanjutnya atau rujuk dengan Jabatan Komunikasi jika anda mempunyai soalan.



5.3 Perdagangan orang dalam – pembelian dan penjualan saham Valeo

Peraturan bursa saham mengenakan risiko besar liabiliti ke atas mana-mana pekerja (dan bukan hanya pegawai) yang mempunyai akses kepada maklumat "sensitif" (istimewa) mengenai Valeo (atau mana-mana syarikat lain, termasuk pesaing, pembekal, pelanggan atau syarikat dan individu yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Valeo) yang tidak diketahui umum dan yang membeli atau menjual, secara langsung atau melalui orang perantara, untuk dirinya sendiri atau bagi pihak ketiga, instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh Valeo (atau terbitan yang berkaitan dengan mereka) atau mengesyorkan pembelian atau penjualan tersebut kepada pihak ketiga (khususnya, rakan-rakan atau ahli keluarga), atau mendedahkan maklumat ini untuk tujuan atau matlamat lain daripada yang telah dibenarkan kepada maklumat tersebut.

Selain risiko liabiliti awam dan dalam keadaan tertentu, liabiliti jenayah bagi perdagangan orang dalam, Valeo prihatin mengenai kesan negatif publisiti terhadap perdagangan orang dalam yang mungkin berlaku pada seluruh Kumpulan Valeo dan pemegang sahamnya.

Ramai pekerja mempunyai akses kepada maklumat sulit di Valeo. Ini tidak bermakna pekerja tidak boleh sekali-kali membeli atau menjual saham Valeo. Risiko perundangan hanya timbul jika maklumat mungkin "sensitif" bagi pelabur atau spekulator yang "wajar", iaitu maklumat yang pelabur mungkin secara wajar pertimbangkan sebagai faktor penting dalam membuat keputusannya untuk membeli, menjual atau memegang instrumen kewangan Valeo.

Secara umum, maklumat istimewa ialah maklumat yang masih belum dikeluarkan kepada orang ramai dan jika diketahui umum dan yang mana, jika ia didedahkan kepada umum, mungkin mempengaruhi harga pasaran instrumen kewangan penerbit. Memutuskan sama ada maklumat adalah istimewa kemudiannya dibiarkan untuk penilaian baik bagi setiap individu.

Di Valeo, selain daripada keadaan luar biasa atau tertentu, contoh yang paling biasa bagi maklumat "sensitif" atau "istimewa" ialah maklumat mengenai jualan atau pendapatan yang masih belum dikeluarkan kepada orang ramai.

Beberapa contoh peristiwa tidak berulang yang boleh dianggap maklumat "istimewa" ialah tawaran pelaburan, pemerolehan, nyahpelaburan, rancangan untuk menutup unit pengeluaran utama, menandatangani atau menamatkan kontrak baharu yang utama, melancarkan atau menarik balik produk dari pasaran, perubahan besar dalam pemegangan saham atau pengurusan kanan, urus niaga yang melibatkan modal atau dividen.

Dasar yang berhemat, konservatif adalah untuk menetapkan masa semua pembelian atau jualan selepas keluaran umum rasmi maklumat tersebut.

Dasar yang diterangkan di atas tidak merujuk kepada pembelian saham melalui pelaksanaan pilihan saham (kerana harga yang perlu dibayar untuk opsyen saham ditentukan dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Valeo terlebih dahulu), tetapi tidak digunakan kepada mana-mana jualan saham yang dibeli melalui pelan pilihan saham.

Tambahan lagi, ia juga digunakan kepada mana-mana produk kewangan atau instrumen berhubung dengan saham Valeo (sebagai contoh, pilihan, saham dana bersama atau terbitan).

Akhir sekali, dasar yang dijelaskan di atas juga digunakan kepada saham dan sekuriti dalam syarikat yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Valeo (khususnya, pesaing, pembekal, pelanggan dan syarikat atau individu yang menjalankan perniagaan dengan Valeo).





LATIHAN – MEMBANGUNKAN KESEDARAN KITA

Latihan – Membangunkan kesedaran kita

Memahami risiko penting bagi kejayaan program pematuhan kita. Semua jurutera serta eksekutif, yang lebih bermungkinan berdepan dengan situasi bermasalah menerima latihan dengan kerap mengenai antitrust, antisogokan dan topik lain. Ahli baharu di Valeo perlu menghadiri latihan pematuhan seawal mungkin selepas diambil bekerja untuk mempelajari mengenai komitmen kita terhadap amalan perniagaan beretika.

Latihan kita menumpukan kepada membangunkan pemahaman yang terperinci mengenai amalan tidak sah tertentu dan undang-undang yang berkaitan. Ia menyediakan contoh praktikal dan menerangkan dasar dan prosedur Valeo. Latihan ini wajib kerana ia mendidik pekerja mengenai mengenal pasti, melaporkan dan menyelesaikan kebimbangan.

6



PREVENTION IS KEY

 0800 374199  Valeo@expolink.co.uk

 www.expolink.co.uk/valeo

MENYATAKAN KEBIMBANGAN - AMARAN

Menyatakan kebimbangan - Amaran

Program Etika dan Pematuhan kita bertujuan untuk mencegah isu, menguruskan risiko dan mengurangkan pendedahan kita kepada ketidakpatuhan; kejayaannya bergantung kepada keutuhan peribadi dan keazaman bersama kita untuk bertindak secara beretika.

Mengesan isu awal untuk mencegah pelanggaran undang-undang dan dasar adalah penting. Apabila salah laku berlaku, ia penting untuk bertindak secepat mungkin bagi mengelakkan daripada berulang.

Bagi kepentingan syarikat, kita perlu bersuara apabila kita menyaksikan atau mengesyaki aktiviti yang melanggar Tataetika atau dasar kita. Dengan melakukan sedemikian, kita menegaskan semula komitmen kita terhadap integriti. Terdapat banyak tempat tersedia kepada mereka yang mahu menyampaikan kebimbangan mereka:

- Pengurus anda
- Pasukan HR Anda
- Naib Presiden Kanan Sumber Manusia
- Peguam Am Kumpulan
- Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan
- Pengarah Audit Dalaman

Bagi penipuan, sogokan atau salah laku antitrust, sistem laporan yang khusus tersedia. Tertakluk kepada perundangan tempatan, sistem menawarkan beberapa pilihan untuk menempatkan amaran yang dirahsiakan dan tanpa nama: Ikut pautan ini untuk mengetahui selanjutnya mengenai **Prosedur Talian Amaran Valeo**.

Talian yang disediakan menghalakan pemanggil kepada individu yang bercakap dalam bahasa mereka: **Nombor telefon Talian Amaran Valeo**.

Untuk mereka yang mahu meninggalkan amaran bertulis yang dirahsiakan, laman web berbilang bahasa tersedia 24 jam pada setiap hari, 7 hari seminggu di: <http://www.expolink.co.uk/valeo>.

Orang ramai juga boleh memilih untuk menghantar e-mel menggunakan alamat e-mel yang diberikan: valeo@expolink.co.uk. Pekerja di seluruh dunia, dari semua entiti yang dikawal atau diuruskan oleh valeo, boleh menggunakannya. Tertakluk kepada perundangan tempatan, mesej boleh dibuat secara tanpa nama.

Untuk maklumat lanjut mengenai dasar Valeo bagi melaporkan pelanggaran dan tiada tindakan balas, sila rujuk bahagian **Talian Amaran** bagi **portal Etika & Pematuhan**.

Anda boleh percaya bahawa sebarang kebimbangan yang anda suarakan akan diuruskan secara serius dan disiasat dengan segera.

Valeo tidak bertolak ansur terhadap tindakan balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat baik atau bagi penglibatan anda dalam sebarang aspek siasatan, perbicaraan atau pendakwaan. Laporan yang dibuat dengan niat baik adalah jujur dan tepat; kita tidak bertolak ansur dengan pemfailan laporan yang hanya bertujuan untuk membahayakan kerjaya atau reputasi pekerja. Tidak kira sama ada negara anda membenarkan laporan tanpa nama, anda perlu sentiasa berasa selamat untuk memfailkan laporan tanpa menyembunyikan identiti anda.

ETIKA & PEMATUHAN

<https://sites.google.com/a/valeo.com/ethics-compliance-portal/home>

www.valeo.com



Malay version

© Hak Cipta 2015 Valeo. Semua Hak Terpelihara